

The Ecological Model of Visual Artists in the Malaysian Contemporary Visual Arts Industry: A Framework Proposal

Model Ekologi Seniman Visual Dalam Industri Seni Visual Kontemporari Malaysia: Satu Proposal Kerangka Kerja

Syed Alwi Syed Abu Bakar¹, Azian Tahir², Ishak Ramli³

^{1,2,3}Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar 32610 Seri Iskandar, Perak, MALAYSIA

Authors' email: syeda214@uitm.edu.my¹, azian572@uitm.edu.my², ibr_86@yahoo.com³

Published: 7 September 2018

ABSTRACT

The increasingly challenging and competitive artwork production environment has prompted visual artists to have an arrangement of state-of-the-art art production practices. Currently, the system of production and marketing of works does not have a clear guideline in the industry that can help in the survival of professional visual artists in Malaysia. Therefore, this study is designed to get clear feedback from those who are already active in this industry related to the challenges faced and the marketability of the works of visual artists to continue to compete in the local and international art production stage. This paper aims to identify the non-technical practices required for the successful implementation and marketing of works of art in Malaysia. The results of this study will provide a detailed study of the practices of visual artists in the implementation and marketing that need to be considered by those who will venture into the arena of professional production. Through this paper, a framework has been developed through a comprehensive review from the point of view of literature as well as practical practice.

Keywords: Non-technical practice, production of works, visual artists, visuals, art work.

ABSTRAK

Persekitaran penghasilan karya seni yang kini semakin mencabar dan berdaya saing telah mendorong supaya para seniman visual untuk mempunyai satu susunan amalan-amalan penghasilan karya yang terkini. Pada masakini, sistem penghasilan dan pemasaran karya tidak mempunyai satu garis panduan yang jelas dalam industri yang dapat membantu dalam kelangsungan hidup para seniman visual profesional di Malaysia. Oleh itu kajian ini dirancang bagi mendapatkan satu maklumbalas yang jelas dari mereka yang sedia ada aktif dalam industri ini berkaitan cabaran yg dihadapi serta keboleh pasaran hasil karya para seniman visual untuk terus bersaing di persada penghasilan seni tempatan dan antarabangsa. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan bukan teknikal yang diperlukan bagi kejayaan pelaksanaan dan pemasaran hasil karya seni di Malaysia. Hasil daripada kajian ini akan menyediakan kajian secara terperinci amalan-amalan para seniman visual dalam pelaksanaan dan pemasaran yang perlu dipertimbangkan oleh mereka yang bakal menceburkan diri di arena penghasilan karya secara profesional. Melalui kertas kerja ini, satu kerangka kerja telah dibangunkan melalui sorotan menyeluruh dari sudut literatur serta amalan secara praktikal.

Kata kunci: Amalan bukan teknikal, penghasilan karya, seniman visual, visual, karya.

eISSN: 2550-214X © 2018. The Authors. Published for Ideology Journal of Arts and Social Science by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

1. PENGENALAN

Penyelidikan ini bertujuan menghasilkan satu data ekologi seniman visual Malaysia. Dengan penelitian permasalahan berkaitan dengan ekologi seniman visual, kajian terdahulu mencadangkan

pembentukan satu garis panduan dalam industri seni visual yang dilihat sebagai satu peluang yang harus dipenuhi dalam konteks kelangsungan hidup seniman visual Malaysia. Kajian ini berobjektif melaksanakan penyelidikan berkaitan dengan cabaran yang harus dihadapi oleh seniman visual untuk terus berkarya dan objektif kedua adalah berkaitan keberkesanan seniman visual dalam menghasilkan karya seni mereka. Bagi memenuhi objektif pertama dan kedua, penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu pengumpulan data melalui temubual, data-data sedia ada dan juga dari pemerhatian penyelidik. Bagi mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan seniman visual penyelidik akan menemui seniman visual (Pelukis, Pengarca dan Penganjur Seni Lukis) yang aktif berkarya. Seterusnya penyelidik juga akan mengkaji sumber-sumber penulisan sedia ada (katalog-katalog pameran dan penulisan-penulisan berkaitan seniman visual). Penyelidikan ini diharapkan akan dapat membuka lembaran baru kepada pembangunan industri seni visual tempatan. Hasil penyelidikan ini juga diharapkan akan menjadi batu asas kepada perkembangan seni visual tempatan yang mana boleh mencambahkan peluang pekerjaan kepada masyarakat Malaysia.

Ekosistem seniman visual merupakan satu bidang yang penting untuk dikupaskan dalam bidang seni visual. Terhasilnya model atau sistem yang bakal dilahirkan akan memberi impak yang besar kepada pembangunan seni visual negara serta dapat membantu mempertingkatkan peratusan keluaran dalam negara kasar (KDNK).

1.1 Objektif Kajian

- i) Mengenalpasti aspek-aspek yang boleh mempertingkatkan cara kerja seniman visual.
- ii) Memahami proses kerja seniman visual dalam sistem sedia ada.
- iii) Menilai sejauhmanakah keberkesanan kerja seniman visual.
- iv) Membangunkan satu model kerja yang praktikal kepada seniman visual.

1.2 Persoalan Kajian

PK1: Apakah aspek yang boleh meningkatkan cara kerja seniman visual?

PK2: Apakah proses yang paling penting dalam dalam ekologi seniman visual?

PK3: Bagaimanakah untuk meningkatkan keberkesanan kerja seniman visual?

PK4: Bagaimanakah untuk mewujudkan satu model kerja yang praktikal kepada seniman visual?

1.3 Penyataan Masalah

Penyelidikan tentang ekologi seniman visual merupakan satu proses yang sangat penting dalam menentukan keberkesanan seniman visual dalam proses penghasilan karya kreatif. Keberkesanan merupakan satu istilah dalam produktiviti yang membawa maksud memberi pulangan yang sewajarnya kepada seniman visual. Dalam situasi ini seniman visual harus memastikan keberkesanan hasil kreativiti mereka serta memastikan industri kreatif terus berkembang di Malaysia.

Di Malaysia hubungan antara seni dan seniman adalah sangat rapat. Seniman-seniman terdahulu telah mewujudkan satu pelantar untuk seniman terus berkarya. Hubungan erat antara seni dan seniman ini telah mewujudkan satu tradisi yang diamalkan oleh penganjur seni visual masa kini. Namun begitu seniman-seniman visual dahulu tidak menyediakan segalanya untuk seniman visual kini gunakan secara total. Hasilnya wujudnya persaingan yang sihat antara seniman visual. Persaingan ini telah membuka ruang kepada mereka yang bersungguh-sungguh dalam menghasilkan karya seni visual. Hasilnya wujud perbezaan yang ketara antara penganjur seni visual yang baru dengan penganjur seni visual yang telah lama bertapak. Jurang inilah yang akan diselidik oleh penyelidik untuk melihat bagaimana boleh diwujudkan satu sistem atau model yang boleh digunakan agar jurang perbezaan yang wujud dapat dikurangkan. Ditambah pula dengan ketiadaan satu sistem yang sistematik berkaitan cara kerja seniman visual. Dalam situasi ini barat tidak boleh dijadikan sumber rujukan kerana perbezaan budaya dan sistem sosial. Kebimbangan ini dipersoal dan dipertikaikan oleh Allahyarham Ismail Mohd Zain semasa beliau menyertai simposium "The First Art Symposium in Aesthetic", di Bangkok yang mana beliau menyebut

"the dichotomous existence of modernism in an environment which is not entirely in equanimity with its canons of the West has not only proven to be problematic, but, in extreme cases, also leads to culture delusion'.

Ekologi merupakan satu sistem yang saling berkait dan memerlukan antara satu sama lain untuk melahirkan sesuatu perkara. Sistem merupakan komponen dan elemen yang digabungkan menjadi satu untuk mencapai sesuatu tujuan. Terdapat beberapa pendapat yang menjelaskan tentang 'sistem' namun penyelidik hanya memilih beberapa pengertian dan definisi dari beberapa penyelidik lepas. Antaranya: Lani Sidharta (1995), Sistem adalah himpunan dari bagian-bagian yang saling berhubungan, yang secara bersama mencapai tujuan-tujuan yang sama. Manakala Davis, G. B (1991) pula menyatakan Sistem adalah kumpulan dari elemen-elemen yang beroperasi bersama-sama untuk menyelesaikan suatu sasaran. Menurut Murdick, R. G (1991), Sistem adalah seperangkat elemen yang membentuk kumpulan atau prosedur-prosedur atau bagan-bagan pengolahan yang mencari suatu tujuan bagian atau tujuan bersama dengan mengoperasikan data dan/atau barang pada waktu rujukan tertentu untuk menghasilkan informasi dan/atau energi dan/atau barang. Indrajit (2001), Sistem adalah kumpulan-kumpulan dari komponen-komponen yang memiliki unsur keterkaitan antara satu dengan lainnya.

2. SOROTAN LITERATUR

Ekologi seniman visual dalam industri seni visual kontemporari merupakan penyelidikan berkaitan antara seni dan seniman. Penyelidikan ini adalah untuk mengupas dua entiti yang asling berkait antara satu sama lain selari dengan usaha dalam lapangan lain seperti Arkitek, Doktor, Jurutera dan lain-lain. Bidang Arkitek antara lapangan yang sangat hampir dengan bidang seniman visual yang mana begitu kukuh berdiri dengan sokongan badan-badan profesional. Apa lagi isu berkaitan dengan pengiktirafan dan kepakaran merupakan satu perkara yang sangat- sangat dititik beratkan oleh kerajaan.

Ekosistem seniman visual dan kelangsungan seniman berkarya merupakan dua perkara yang berkait antara satu sama lain dan merupakan satu sikap atau keperluan manusia dalam memenuhi keperluan bersosial. Sistem kerja merupakan satu system yang tidak mempunyai sempadan namun ianya mempunyai etika-etika tertentu yang perlu dipenuhi. Disini peranan rantai keperluan dapat memenuhi keperluan dan kehendak sesuatu masyarakat atau komuniti. Komunikasi merupakan satu agen yang menghubungkan antara kelompok kecil dengan kelompok besar. Apabila wujudnya komunikasi yang baik antara kelompok seniman dengan masyarakat sekeliling akan melahirkan satu budaya yang dapat diterima oleh semua. Komunikasi bukanlah sesuatu yang boleh direka-reka, ia memerlukan kebijaksanaan dalam merancang dan hasil daripada komitmen yang telah diberikan. Hasil dari komunikasi yang baik akan melahirkan satu ekosistem yang baik antara seniman visual dan masyarakat setempat.

Sistem merupakan komponen dan elemen yang digabungkan menjadi satu untuk mencapai sesuatu tujuan. Terdapat beberapa pendapat yang menjelaskan tentang 'sistem' namun penyelidik hanya memilih beberapa pengertian dan definisi dari beberapa penyelidik lepas. Antaranya : Lani Sidharta (1995), Sistem adalah himpunan dari bagian-bagian yang saling berhubungan, yang secara bersama mencapai tujuan-tujuan yang sama. Manakala Davis, G. B (1991) pula menyatakan Sistem adalah kumpulan dari elemen-elemen yang beroperasi bersama-sama untuk menyelesaikan suatu sasaran. Menurut Murdick, R. G (1991), Sistem adalah seperangkat elemen yang membentuk kumpulan atau prosedur-prosedur atau bagan-bagan pengolahan yang mencari suatu tujuan bagian atau tujuan bersama dengan mengoperasikan data dan/atau barang pada waktu rujukan tertentu untuk menghasilkan informasi dan/atau energi dan/atau barang. Indrajit (2001), Sistem adalah kumpulan-kumpulan dari komponen-komponen yang memiliki unsur keterkaitan antara satu dengan lainnya. Sistem merupakan satu elemen rantai yang sangat diperlukan oleh seniman visual dalam budaya kerja mereka. Ianya penting dalam kelangsungan seniman untuk terus berkarya dan dijadikan sumber pendapatan yang berpatutan. Ekologi seniman visual merupakan satu penyelidikan yang sangat penting untuk diperbincangkan kaitan kepada perkembangan ekonomi negara serta dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru dalam industri kreatif.

2.1 Definisi Ekologi

Ekosistem merupakan satu perkataan yang sangat sinonim dengan cara kerja serta merupakan satu perkataan yang jarang digunakan keatas golongan seniman visual. Dalam bidang sains ekologi merupakan komunikasi antara komuniti yang mewujudkan satu interaksi. Eugene Odum, salah seorang pakar dalam ekologi sains menyatakan, "Mana-mana unit atau organisma dalam sesebuah komuniti yang berinteraksi dalam alam fizikal akan menghasilkan satu kitaran tenaga yang jelas menerangkan struktur tropik (trophic structure), biodiversiti dan kitaran hidupan". Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, ekosistem adalah sistem yg melibatkan interaksi antara suatu komuniti (haiwan, tumbuhan, dsb) dengan alam persekitarannya yg tidak bernyawa. Konsep ekosistem merujuk kepada interaksi hidupan dengan unsur-unsur yang merupakan asas kepada alam dalam hubungan yang saling berkait rapat antara satu sama lain. Ekosistem seniman visual adalah satu sistem yang kompleks yang mana penyelidik mengkaji aspek-aspek ekologi komuniti manusia dengan cara menggabungkan pelbagai faktor ekonomi, organisasi sosio politik, faktor-faktor psikologi dan faktor-faktor fizikal yang berkaitan dengan alam sekeliling.

2.2 Definisi Seni Visual

Seni visual merupakan satu luahan atau hasilan kreatif yang dihasilkan oleh seseorang seniman. Catan, arca, cetakan, lukisan merupakan antara hasilan seni yang biasa dihasilkan oleh seniman visual namun begitu seni visual juga merangkumi seni nyanyian, lakonan serta apa saja seni yang boleh dilihat dengan mata kasar. Ocvirk 2009 menyatakan seni adalah ekspresi yang menghasilkan sebuah gambaran secara konsep berdasarkan sesuatu medium. Seni visual merangkumi elemen dan prinsip keindahan yang wujud dalam proses penghasilan sesebuah karya kreatif.

2.3 Industri Kreatif Malaysia

Maklumat yang didapati daripada laman web Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan (Julai, 2012), melalui Dasar Industri Kreatif Negara 2011 (DIKN2011) jumlah rakyat malaysia yang terlibat dalam bidang kesenian adalah 4% atau 1 000 147 orang sahaja dari keseluruhan penduduk malaysia yang melebihi 28 juta. Situasi ini menunjukkan bahawa Malaysia sedang mengalami krisis dalam bidang seni visual. Oleh itu, kajian ini penting sebagai satu panduan kepada pihak berkuasa untuk mengatasi masalah ketahanan seniman dalam kelangsungan berkarya di Malaysia.

Guna tenaga dalam industri kreatif Malaysia dianggarkan sebanyak 0.4% (45 301) pekerjaan, manakala bagi Singapura pula 3.4%. Ini menggambarkan yang produktiviti seniman visual di Malaysia masih rendah dan belum mencapai tahap yang sepatutnya iaitu anggaran 3%-5%. Ini merupakan peluang bagi seniman visual untuk terus meningkatkan kualiti dan produktiviti mereka. Namun begitu peluang ini juga bergantung kepada ekosistem budaya yang mana seniman visual memerlukan sokongan dari masyarakat secara keseluruhannya.

3. METODOLOGI

Ekologi seniman visual dalam industri kesenian memerlukan kriteria tertentu bagi mengukur kecekapan dan keberkesanan mereka dalam menghasilkan karya seni. Perhubungan antara seniman dan masyarakat adalah sangat rapat dan saling memerlukan antara satu sama lain. Talcott Pearson dalam bukunya 'The Social System' (1951), menyatakan segala unsur yang terdapat dalam kebudayaan berfungsi sebagai satu keperluan bagi setiap ahli dan ianya merupakan keperluan masyarakat secara menyeluruh. Para penyelidik akan menggunakan Teori Fungsional, Talcott Pearson dalam menghuraikan ekologi budaya pengarca muda melayu bagi kelangsungan mereka berkarya. Ini bagi memastikan yang pengarca muda melayu tidak menghasilkan karya seni yang tidak diterima oleh masyarakat serta mengganggu ketenteraman masyarakat. Justeru itu kaedah yang digunakan dalam

Model Ekologi Seniman Visual Dalam Industri Seni Visual Kontemporari Malaysia: Satu Proposal Kerangka Kerja penyelidikan ini adalah melalui kaedah kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Penyelidik menggunakan teknik temubual untuk memprolehi maklumat yang diperlukan.

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan interaksi dalam pengumpulan data dari responden. Pendekatan ini melihat individu sebagai satu produk sosial yang mempengaruhi dan dipengaruhi oleh masyarakat sekeliling. Pengumpulan data dalam bentuk audio dari responden, menghurai, menganalisa perkataan daripada tema dan mengendali inkuari dalam cara subjektif (Creswell, 2005). Pengumpulan data melibatkan bukti pengalaman, perasaan dan penghakiman individu yang mengambil bahagian dalam mengkaji masalah atau isu sebagai subjek atau pemerhati tentang keadaan. (Verma & Mallick, 1999).

Sehubung dengan itu, teknik temubual digunakan bagi memilih sample penyelidikan ini. Dalam penyelidikan, kaedah yang digunakan adalah bentuk kualitatif yang mana teknik temubual digunakan bagi pengumpulan data.

Penyelidikan kualitatif adalah bentuk inkuari yang mendalami fenomena dalam keadaan semulajadi dan menggunakan pelbagai kaedah untuk mentafsir, memahami, menerangkan dan membawa makna kepada fenomena. Kaedah penyelidikan kualitatif berdasarkan kepada pengumpulan data bukan nombor seperti pemerhatian, temubual, kumpulan yang difokus dan rakaman audio dan video (Gay & Airasian, 2003). Data dikumpul melalui temubual, pemerhatian dan analisis data (Merriam, 1998). Dalam penyelidikan kualitatif, penyelidik adalah instrumen pengumpulan data (Arsenault & Anderson, 1999). Ciri penyelidikan kualitatif ialah penyelidik adalah instrumen utama dalam pengumpulan dan analisis data (Merriam, 1998).

Maklumat yang didapati daripada laman web Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan (Julai, 2012), melalui Dasar Industri Kreatif Negara 2011 (DIKN2011) jumlah rakyat Malaysia yang terlibat dalam bidang kesenian adalah 4% atau 1 000 147 orang sahaja dari keseluruhan penduduk Malaysia yang melebihi 28 juta. Ini termasuk dibang kesenian lain seperti nyanyian, lakonan, teater dan lain-lain. Situasi ini menunjukkan bahawa Malaysia sedang mengalami krisis dalam bidang seni visual. Oleh itu, kajian ini penting sebagai satu panduan kepada pihak berkuasa untuk mengatasi masalah ketahanan seniman dalam kelangsungan berkarya di Malaysia.

Guna tenaga dalam industri kreatif Malaysia dianggarkan sebanyak 0.4% (45 301) pekerjaan, manakala bagi Singapura pula 3.4%. Ini menggambarkan yang produktiviti seniman visual di Malaysia masih rendah dan belum mencapai tahap yang sepatutnya iaitu 3%-5%. Ini merupakan peluang bagi seniman visual untuk terus meningkatkan kualiti dan produktiviti mereka. Namun begitu peluang ini juga bergantung kepada ekosistem budaya yang mana seniman visual memerlukan sokongan dari masyarakat secara keseluruhannya.

4. KESIMPULAN

Kerangka kerja ini akan menjadi panduan bagi penghasilan penyelidikan yang diharap dapat menjadi rujukan serta himpunan data bagi hal-hal berkaitan amalan, perkembangan serta perancangan bagi para artisan atau organisasi yang berminat dalam proses penghasilan karya secara semi profesional dan juga profesional. Ekosistem budaya para seniman atau artisan visual diharap dapat menjadi satu model bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti dalam industri kreatif negara,

BIBLIOGRAFI

- Bronfenbrenner, U. (1994). Ecological Models of Human Development In International Encyclopedia of Education, Vol 3, 2nd. Ed. Oxford: Elsevier. Reprinted in: Gauvain, M. & Cole, M. (End), Reading on the development of children, 2nd Ed. (1993, pp. 37-43). NY:Freeman.
- Gordon B. Davis, Kerangka Dasar Sistem Informasi Manajemen Bagian 1, PT Pustaka Binamas Pressindo, Jakarta: 1991

- Hamed,A.(1995). The epersonal network of small firm entrepreneurs in Malaysia: An exploratory study, Unpublished Ph.D. Thesis, University of Glasgow.
- Hutagalung,RA (2010). Ekologi Dasar.Jakarta. pg 13-15
- Indrajit, 2001, Analisis dan Perancangan Sistem Berorientasi Object. Bandung, Informatika
- Ismail Mohd Zain, (1989). Towards a Utopian Paradigm – A Matter of Contigencies and Displacement, First ASEAN Symposium on Aesthetics: ASEAN Committee on Culture and Information.
- Kementerian Penerangan,Komunikasi dan Kebudayaan (2011) .Dasar Industri Kreatif Negara.Kuala Lumpur
- Lani Sidharta, Pengantar Sistem Informasi Bisnis, P.T. ELEX Media Komputindo, Jakarta: 1995
- Michels,Caroll (2001). How to Survive as an Artist Selling Yourself without selling your soul.
- Odum,EP (1971). Fundamentals of Ecology, Third Edition,Saunders New York
- Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone, Cayton, (2009), Art Fundamentals Theory and Practice, Mc Grow Hill: School of Art, Bowling Green State University.
- Parsons.T (1970). Social Structure and personality. The Macmillan Company.USA
- Robert G Murdick, dkk, Sistem Informasi Untuk Manajemen Modern, Jakarta: Erlangga, 1991.
- Salmon,Mark.(2009). Opportunities in Visual Arts Careers. McGrawhill Companies.USA
- Suvidha Bhatnagar (2010). Sculpture as A Career Option.Retrieved 3rd May 2011 from <http://Youthoncareers.com/sculptor-as-a-career-option>.